

Media Title : Utusan Sarawak
Headline : HLB terbit Sekuriti Modal Hijau RM900 juta
Date : 7 May 2022
Section : Bisnes
Page : 32



HLB terbit Sekuriti Modal Hijau RM900 juta

KUALA LUMPUR: Hong Leong Bank Bhd (HLB) menerbitkan RM900 juta dalam nilai nominal Sekuriti Modal Hijau Tahap 1 Tambahan patuh Basel III, menurut program sekuriti modal Tahap 1 Tambahan pelbagai mata wangnya.

Dalam makluman kepada Bursa Malaysia, hasil daripada terbitan Sekuriti Modal Hijau akan digunakan untuk tujuan memenuhi kriteria seperti yang ditetapkan dalam Rangka Kerja Bon Hijau HLB, yang diwujudkan

kan oleh HLB pada 20 Februari 2022 dan disemak semula pada April 2022.

Ini selaras dengan Standard Bon Hijau ASEAN yang diterbitkan oleh Forum Pasaran Modal ASEAN pada November 2017 dan disemak semula pada Oktober 2018 dan Prinsip Bon Hijau diterbitkan oleh Persatuan Pasaran Modal Antarabangsa pada Jun 2021.

Beberapa terma penting Sekuriti Modal Hijau termasuklah tempoh pembayaran pe-

ngagihan selama enam bulan dan tarikh penebusan pilihan ialah 29 April 2027 dan setiap tarikh pembayaran pengagihan selepas itu.

Sekuriti Modal Hijau diberi penarafan A1 oleh RAM Services Bhd.

Maklumat lanjut mengenai terbitan tersebut, rujuk kepada Terma dan Syarat Utama, Terma dan Syarat Lain, Pricing Supplement dan Rangka Kerja Bon Hijau HLB yang boleh didapati di laman web HLB. - Bernama